

Penentuan Nasab melalui Prinsip Undang-undang Keterangan Islam (Determination of Legitimacy through the Principles of Islamic Evidence Law)

FATIMAH YUSRO HASHIM
ANISAH CHE NGAH
MOHAMMAD AZHAN YAHYA
AHMAD AZAM MOHD SHARIFF

ABSTRAK

Anak tak sah taraf didefinisikan sebagai kelahiran anak hasil daripada perbuatan zina ataupun kehamilan tanpa pernikahan atau suami yang sah, tetapi bukan dari pernikahan syubhah. Terdapat keadaan di mana anak yang tidak sah taraf telah diberikan status sah taraf akibat kelemahan dalam aspek beban pembuktian serta pematuhan terhadap prinsip syariah berkaitan tempoh minima kehamilan enam bulan qamariah tersebut. Penulisan ini memfokuskan tiga objektif. Objektif pertama adalah untuk menganalisis berkaitan kelahiran anak tak sah taraf di sisi prinsip syariah. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti permasalahan berkaitan kelahiran anak tak sah taraf dalam perbicaraan di mahkamah, dan objektif ketiga adalah untuk mencadangkan penyelesaian kepada permasalahan yang telah dikenal pasti. Penulisan ini adalah kajian kualitatif iaitu melalui kaedah penyelidikan perpustakaan, di mana bahan-bahan yang berkaitan dengan penulisan ini telah dianalisis secara kritis. Pengkaji mendapati bahawa seksyen 110 Akta Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) sebagai contohnya, digunakan terutamanya sebagai garis panduan dalam menentukan kesahihan nasab anak dalam perbicaraan mahkamah. Walau bagaimanapun, seksyen tersebut adalah terlalu umum dan tidak berjaya dikaitkan kepada prinsip-prinsip asas dalam syarak berkaitan dengan kelahiran anak tak sah taraf dan penentuan kesahihan nasab. Pada masa yang sama prinsip keterangan Islam yang digunakan semasa perbicaraan berkaitan dengan menentukan status nasab juga tidak dapat menyokong mahkamah untuk membuat keputusan yang baik terhadap kes tersebut. Sehubungan itu pengkaji mencadangkan perlunya matan seksyen 110 ini diperincikan, serta aplikasi keterangan pakar diwajibkan penggunaannya dalam perbicaraan mahkamah bagi menyokong pembuktian terhadap kesahihan nasab anak.

Kata kunci: Kelahiran anak tak sah taraf, keterangan Islam, pembuktian, prinsip syariah, mahkamah syariah.

ABSTRACT

An illegitimate child is defined as the birth of a child as a result of adultery or pregnancy without a valid marriage or husband, but not from a syubhah marriage. There are situations where an illegitimate child has been given legitimacy status due to lacking of burden of proof as well as compliance with shariah principles related to the minimum pregnancy period of six qamariah months. This writing focuses on three objectives. The first objective is to analyze the birth of illegitimate children in terms of shariah principles. The second objective is to identify problems related to the birth of an illegitimate child in a court trial, and the third objective is to suggest solutions to the problems that have been identified. This writing is a qualitative study that is through library research methods, where materials related to this writing have been critically analyzed. The researcher finds that section 110 of the Islamic Family (Federal Territory) Act are used mainly as a guideline in determining the legitimacy of a child in a court hearing. However, the section is too general and has not been successfully linked to the basic principles in Islamic law related to the birth of an illegitimate child and the determination of the validity of lineage. At the same time the principles of Islamic evidence used during the trial related to determining the status of legitimacy are also not able to support the court to make a good judgment of the case. At the same time the principles of Islamic evidence used during the trial related to determining the status of legitimacy are also not able to support the court to make a good judgment of the case. In this regard, the researcher suggested that it is needed for section 110 to be detailed as well as the application of expert evidence to be made mandatory to prove the validity of the child's lineage.

Keywords: Birth of an illegitimate child, Islamic evidence, proof, shariah principles, shariah court.

PENGENALAN

Seiring dengan era globalisasi dan Islam kontemporari, institusi kekeluargaan tidak dapat dinafikan merupakan unit sosial paling penting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Dalam erti kata lain, institusi keluarga boleh dianggap sebagai benteng utama dalam membina ketahanan bangsa. Kualiti hidup pada peringkat institusi keluarga merupakan asas kepada kehidupan berkualiti pada peringkat masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Namun, permasalahan mengenai kelahiran anak tak sah taraf di Malaysia secara implisitnya telah menimbulkan keaiban di kalangan masyarakat madani pada hari ini. Kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa telah meletakkan anak yang tidak berdosa ini hidup dalam suasana yang tidak menyenangkan di kalangan masyarakat.

Kesahihan nasab serta kedudukan anak yang dilahirkan selepas tempoh minima enam bulan seperti yang diterima oleh syarak merupakan fokus utama artikel ini. Kelahiran anak tak sah taraf dapat dikenal pasti dengan dua cara iaitu pertama; lahir sebelum enam bulan *qamariah*¹ selepas pernikahan yang sah kedua ibu bapanya, dan kedua; kelahiran bayi yang normal selepas enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahan namun sebelum menjelang sembilan bulan tempoh kehamilan yang normal. Perkara kedua inilah yang menimbulkan persoalan pokok dalam artikel ini, iaitu kelahiran anak yang tidak sah taraf dalam tempoh yang dibenarkan pengesahan taraf oleh syarak. Ianya menjadi satu persoalan kerana biarpun bayi itu lahir selepas tempoh minima enam bulan *qamariah* kehamilan yang diterima oleh syarak, serta boleh disah tarafkan mengikut peruntukan undang-undang. Namun fizikalnya yang normal seperti bayi yang matang (*fullterm baby*) memberi petunjuk bahawa bayi itu telah pun berada dalam kandungan ibunya lebih lama dari tempoh pernikahan. Masalah timbul apabila anak yang tidak sah taraf ini diberikan pengesahan sah taraf, dan diberikan segala hak-hak yang bersangkutan dengan anak sah taraf. Kekhilafan ini kelak akan membawa lebih banyak permasalahan nanti.

METODOLOGI

Penulisan ini adalah merupakan penulisan perundangan tulin. Kaedah kualitatif digunakan dalam penulisan ini. Kaedah penulisan

perpustakaan digunakan dalam penulisan ini untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan penentuan kelahiran status anak sah taraf seperti buku-buku, jurnal, akta dan kes-kes mahkamah syariah. Jurnal-jurnal dan buku-buku terjemahan dan kitab lama diambil untuk menganalisis berkaitan nasab dan status sah taraf anak menurut prinsip syariah. Akta dan kes-kes di mahkamah syariah pula digunakan untuk menganalisis senario penentuan kelahiran anak tak sah taraf di mahkamah syariah. Seterusnya, kesemua bahan-bahan tersebut akan dianalisis secara kritis untuk mendapatkan permasalahan, dapatan penulisan dan seterusnya mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian dengan prinsip syariah untuk menangani permasalahan tersebut.

NASAB DAN STATUS SAH TARAF ANAK MENURUT PRINSIP SYARIAH

Dalam menentukan kesahihan hubungan antara ibu bapa dan anak di sisi undang-undang, konsep paling asas yang perlu wujud ialah kesah tarafan. Kesah tarafan ialah konsep undang-undang yang mana anak daripada satu pasangan diiktiraf sebagai ahli keluarga dan mempunyai hak dari aspek undang-undang. Anak yang sah taraf didefinisikan sebagai anak yang lahir semasa tempoh perkahwinan yang sah masih berterusan atau dalam tempoh tertentu selepas perceraian. Status kesah tarafan memainkan peranan yang penting dalam menentukan masa depan seseorang anak dan memberikan impak yang besar kepada anak tersebut. Hal ini termasuklah hak anak untuk mendapat nafkah dan perwarisan daripada bapa dan hak bapa untuk mendapatkan hak jagaan dan perwalian. Di bawah undang-undang Islam, kebapaan atau '*paternity*' seorang anak adalah amat penting bagi mewujudkan hak undang-undang dan memberikan status kesah tarafan kepadanya. Dalam erti kata lain, kebapaan dan kesah tarafan adalah saling berhubung kait antara satu sama lain. Apabila keturunan seorang anak telah ditentukan, ianya diikuti dengan kesah tarafan anak tersebut seperti yang dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan ayat 54 yang bermaksud:

Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakiNya).²

Maafham ayat ini jelas menunjukkan bahawa kebapaan seorang anak adalah ditentukan melalui ikatan perkahwinan dan nama anak diberikan hak nama bapa kepadanya. Hal ini menggambarkan bahawa Islam hanya mengiktiraf keturunan secara undang-undang seorang anak melalui hubungan perkahwinan suami dan isteri.

Hak pensabitan nasab sebenarnya terbahagi kepada pensabitan nasab kepada ibu dan pensabitan nasab kepada bapa. Cara pensabitan nasab seorang anak kepada ibunya adalah semata-mata melalui sebuah kelahiran dalam semua keadaan. Ia tidak memerlukan kepada sebarang pembuktian yang lain, sama ada kelahiran itu adalah dari sebuah perkahwinan yang sah, atau dari nikah fasid ataupun dari kelahiran yang bukan dari ikatan perkahwinan seperti kejadian-kejadian buruk seperti rogol atau zina, atau dari *wat'i* yang syubhah.³ Qadhi Sheikh Muhammad Syammā^c menambah bahawa sabit nasab kepada ibu jika anak tersebut dilahirkan dari rahim ibunya dalam keadaan hidup.⁴ Nasab seorang anak kepada ibunya adalah suatu hak yang tidak akan hilang atau dipertikaikan. Namun sekiranya terdapat perbalahan antara dua orang wanita yang merebut seorang anak, maka perlulah dikemukakan pembuktian mengikut *uruf* seperti berlakunya *wat'i* antara wanita tersebut dengan seorang lelaki (suami atau pun bukan), serta bukti-bukti berlakunya kehamilan dan kelahiran.

Namun pada zaman sekarang, kes seperti ini amat mudah diselesaikan dengan cara mengemukakan bukti DNA kedua-dua wanita tersebut dan dibandingkan dengan DNA anak yang menjadi rebutan itu. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Empat, DNA boleh didefinisikan sebagai asid *deoxyribonucleic* (juzuk utama yang membentuk bahan genetik iaitu bahan penentu ciri-ciri kebakaan) kebanyakan organism hidup, termasuk sesetengah virus yang terkandung di dalam nukleus sel organism yang berkenaan. Setiap jasad manusia dan organisma lain membawa gen yang mengandungi protein DNA dan terdapat pada nukleus sel. Manakala pensabitan seorang anak kepada bapanya pula merupakan tunggak sabitan nasab dalam hidup manusia, kerana firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzāb ayat 5 yang bermaksud:

Panggillah (anak-anak angkat) itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu

yang seugama dan sebagai 'maula-maula' kamu. dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani).⁵

Secara umum terdapat beberapa perkara bagi memastikan berlakunya pensabitan nasab antara seorang anak dengan bapanya melalui pengiktirafan ikatan perkahwinan. Syarat pensabitan hak nasab melalui perkahwinan ini telah ditetapkan oleh syarak bagi menjamin pensabitan yang benar-benar hak kepada individu yang terlibat. Islam menekankan agar semua aspek kehidupan dan segala sesuatu itu dilakukan secara sah dan halal. Tanpa adanya status sah dan halal dalam ikatan perkahwinan, maka perbuatan yang dilakukan akan mengundang dosa dan kemudaratan. Begitu juga hubungan antara seorang bapa dengan anaknya. Hubungan antara bapa dan ibu perlu diikat dengan sebuah perkahwinan yang sah bagi menghalalkan perhubungan serta membolehkan keduanya melahirkan zuriat yang sah dari segi syarak. Kita boleh lihat pada firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat 1 yang menyebut dengan jelas tentang perkara ini.

"Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu saling meminta dengan menyebut namaNya, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu Menjaga dan Mengawasi kamu".⁶

Seterusnya dalam Surah Ar-Rum ayat 21 juga Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir".⁷

Perasaan ingin berpasangan antara lelaki dan perempuan merupakan kurniaan Ilahi. Namun hubungan itu perlu dimulai dengan ikatan pernikahan yang sah supaya dapat dikurniakan zuriat dari anak yang sah dan bernasab sempurna. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 72 menyatakan seperti berikut:

"Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan menjadikan bagimu dari isteri-isteri kamu itu,

anak-anak dan cucu-cucu, dan memberimu rezeki dari yang baik-baik. Maka mengapakah mereka beriman kepada yang batil dan mengingkari nikmat Allah??"⁸

Di dalam ayat dari surah An-Nahl ini, Allah SWT mempersoalkan keingkaran umat manusia yang terus menerus melakukan perkara yang batil dan tidak mentaati apa yang telah diperintahkanNya. Sebagai contoh dari ayat di atas juga, Allah SWT telah mengurniakan nikmat perkahwinan dan melahirkan zuriat yang sah dan bernasab sempurna, namun masih ada manusia yang mengingkari nikmat pemberian Allah SWT ini dengan cara melakukan perbuatan zina dan melahirkan anak-anak yang tidak sah tarafnya. Sedangkan Allah SWT telah mengurniakan nikah yang darinya dapat menghalalkan perhubungan antara lelaki dan perempuan secara yang dibenarkan oleh syarak.

SENARIO PENENTUAN KELAHIRAN ANAK TAK SAH TARAF DI MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat empat syarat utama pensabitan nasab iaitu pertama, kehamilan yang berlaku pada wanita itu adalah satu kehamilan yang nyata menurut 'uruf. Kedua, seorang wanita melahirkan anak selepas jangka masa sekurang-kurangnya enam bulan *qamariah* dan dua *lahzoh*⁹ dari tarikh akad nikah yang sah. Ini adalah kerana tempoh kehamilan paling minimum yang dipersetujui oleh jumurh ulama adalah sekurang-kurangnya enam bulan *qamariah*. Perkara ini diterima oleh semua ahli fiqh kerana tempoh enam bulan *qamariah* ini adalah tempoh paling singkat yang memungkinkan seseorang bayi yang tidak cukup bulan dilahirkan dalam keadaan hidup. Ketiga, seorang wanita yang melahirkan anak dalam jangka masa maksima tidak lebih dari dua tahun dari tarikh perpisahan beliau dengan suaminya dan keempat, suami wanita itu tidak pernah membuat penafian nasab ke atas bayi yang dilahirkan melalui penafian li'an.¹⁰

Keempat-empat sebab di atas adalah merupakan sebab-sebab yang mensabitkan nasab seorang bayi itu kepada bapanya melalui pengiktirafan ikatan perkahwinan. Sebagai contoh dalam sebuah kes berkenaan tuntutan pengesahan sabitan nasab/ahli waris iaitu dalam kes *Fatimah Binti Abdullah dan Seorang lagi lwn Mat Zin Bin Kassim*¹¹ di mana fakta dalam kes ini menyatakan bahawa Fatimah binti Abdullah telah bernikah

dengan Mat Zin bin Kassim pada 1 November 1976. Pasangan ini kemudiannya bercerai pada 11 Disember 1976 dengan talaq satu. Dalam tempoh perkahwinan, mereka tinggal bersama di Kampung Udang, Bukit Payong, Terengganu dan mengaku ada melakukan persetubuhan lebih dari lima kali. Mereka kemudiannya bercerai atas kehendak Fatimah kerana tidak suka diganggu oleh bekas isteri Mat Zin. Walau bagaimanapun, selepas bercerai dengan Mat Zin, pada 26 November 1977 Fatimah telah melahirkan seorang anak bernama Zainal Abidin bin Mat Zin, KPT 771126-11-5395. Fatimah tidak pernah berkahwin lain dalam masa itu sehinggalah pada awal tahun 1981 di mana beliau telah berkahwin dengan Soh bin Ibrahim dan memperolehi empat orang anak.

Fakta yang menjadi isu di dalam kes ini ialah adakah Plaintiff Kedua iaitu Zainal Abidin bin Mat Zin merupakan anak yang sah taraf kepada Defendan atau sebaliknya. Di dalam keterangannya, Mat Zin tidak mengaku Plaintiff kedua sebagai anaknya kerana beliau menyatakan bahawa dia tidak pernah melakukan persetubuhan dengan Plaintiff Pertama sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Kenyataan penafian ini walau bagaimanapun adalah bercanggah dengan fakta kes yang telah dipersetujui pada awal perbicaraan. Oleh kerana itu, mahkamah telah memutuskan bahawa sabit Zainal Abidin bin Mat Zin adalah anak yang sah kepada Mat Zin bin Kassim, dan ibu kepada Zainal Abidin ialah Fatimah binti Abdullah yang merupakan bekas isteri kepada Mat Zin. Pensabitan ini adalah kerana anak tersebut lahir dalam tempoh lebih dari enam bulan *qamariah* perkahwinan mereka dan dalam masa setahun selepas berlakunya perceraian. Kes ini jelas menunjukkan mahkamah mengambil kira penentuan sah taraf anak tersebut berdasarkan kepada tempoh kehamilan paling minimum iaitu sekurang-kurangnya enam bulan *qamariah* dan paling maksimum iaitu dua tahun selepas berlaku perceraian.

Seterusnya, berdasarkan kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah Lwn Rosli bin Abdul Japar*,¹² di mana kes ini telah dibawa di bawah seksyen 80(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995.¹³ Fakta menyebut bahawa tertuduh telah didakwa atas kesalahan persetubuhan haram dan ujian DNA ke atas beberapa individu telah dilakukan bagi mengaitkan pelaku yang telah menyebabkan kelahiran seorang anak luar nikah. Keputusan

DNA tersebut telah diterangkan oleh seorang pakar kimia, dan pendapatnya diambil kira bagi menentukan siapakah pelaku persetubuhan haram tersebut yang telah menyebabkan kelahiran anak kepada seorang perempuan yang belum bersuami. Dalam kes ini, pendapat pakar tersebut telah diambil kira bagi membantu hakim menentukan siapakah pesalah yang telah melakukan persetubuhan melalui maklumat sains dari keputusan ujian DNA tersebut.¹⁴ Pendapat pakar kimia tersebut diambil kira bagi membantu mengenal pasti keputusan DNA yang dibuat terhadap beberapa individu bertujuan menentukan siapakah bapa biologi kepada anak luar nikah yang dilahirkan hasil dari persetubuhan haram tersebut. Keterangan pakar ini penting dalam menyokong fakta kes serta membantu mahkamah untuk membuat penghakiman kes yang baik serta bebas daripada sebarang keraguan.¹⁵ Dalam kes ini, penulis mendapati bahawa sah taraf anak ditentukan oleh mahkamah berdasarkan kepada pengemukaan bukti keterangan pakar.

Dalam sebuah kes lain iaitu *Wan Khairi Wan Azmi dan Farah Nurliliana Jauhari*,¹⁶ permohonan pengesahan status sah taraf anak dibawa yang mana pemohon membuat permohonan pensabitan nasab terhadap anak yang dilahirkan oleh isterinya sebagai anak yang sah taraf. Wan Khairi bin Wan Azmi iaitu pemohon di dalam permohonan ini telah diakad nikahkan dengan Farah Nurliliana binti Jauhari pada 09 Jun 2010 (26 Jamadil Akhir 1431) jam 9 malam di Masjid Paya Rawa, Besut, Terengganu. Anak tersebut telah dilahirkan lebih kurang enam bulan empat hari selepas tarikh pernikahan kedua pemohon dan responden, dan status anak itu sememangnya meragukan kerana menurut fakta kes, bayi lelaki tersebut telah dilahirkannya pada 07 Disember 2010 pada pukul 9:02 pagi sebagai bayi normal seberat 3.4 kilogram di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan. Permohonan pengesahan taraf dalam kes ini telah diluluskan oleh YA hakim tanpa melihat kepada tempoh kehamilan anak tersebut yang secara saintifiknya memenuhi tempoh kehamilan normal selama sembilan bulan, sedangkan pernikahan baru berlangsung selama lebih kurang enam bulan.

Menurut alasan penghakiman yang dibuat oleh YA Ismail Yahya, beliau menyentuh tafsir bagi ayat 15 Surah al-Ahqaaf yang menjelaskan tempoh mengandung hingga tempoh menceraikan susu ialah 30 bulan, manakala tafsiran ayat 14 Surah Luqman pula menjelaskan bahawa tempoh

menceraikan susu ialah dua tahun iaitu 24 bulan. Oleh yang demikian tempoh sependek-pendek hamil atau mengandung ialah enam bulan. Beliau juga merujuk kitab *Bughyat al-Mustarshidin* tulisan Al-Ba'lawy¹⁷ yang menyebut:

“Seorang perempuan hamil dari perbuatan zina, kemudian dia melangsungkan akad nikah perkahwinan dengan seseorang lelaki. Dalam tempoh perkahwinan berkenaan, suaminya itu berkeupayaan tinggal bersamanya sebagai suami isteri, lalu dalam tempoh enam bulan dua saat (*lahzoh*) dari tarikh akad nikah perkahwinan mereka, perempuan berkenaan melahirkan anak, dalam hal suaminya itu berkeupayaan melakukan persetubuhan dengannya, maka anak berkenaan itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki yang menjadi suaminya itu.”

Dengan membuat rujukan secara langsung kepada penulisan Al-Ba'lawy, YA Hakim juga menambah bahawa di dalam peruntukan seksyen 109 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 menyatakan bahawa:

“Jika seorang perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki melahirkan seorang anak dalam masa enam bulan atau lebih dari tarikh perkahwinan itu, atau dalam jangka masa yang boleh diterima oleh Hukum Syara' selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh menafikan, dengan cara li'an mengikut Hukum Syara', bahawa anak itu adalah anaknya.”

Mahkamah juga menurut YA hakim dapat membuat perkiraan selama mana bayi berkenaan berada dalam kandungan hingga dia dilahirkan oleh responden. Dan tempoh ini dikira dari tarikh perkahwinan responden diakad nikahkan dengan pemohon. Perkiraan yang dibuat oleh mahkamah ini adalah menurut taqvim *hijri* dan waktu solat 1431H dan 1432H Kerajaan Negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu, dan perkiraannya adalah seperti berikut:

Bulan	Kiraan bulan/hari
Jamadil akhir 1431 (27–30 haribulan)	tiga hari
Rejab 1431	satu bulan
Syaaban 1431	satu bulan
Ramadhan 1431	satu bulan
Syawal 1431	satu bulan
Zulkaedah 1431	satu bulan
Zulhijjah 1431	satu bulan
1 Muharram 1432 /7 Disember 2010	satu hari

Berdasarkan dari pengiraan di atas, YA Hakim berpuas hati bahawa responden telah melahirkan bayi lelaki berkenaan itu dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat dari tarikh akad nikah perkahwinannya dengan pemohon. Dalam kes ini, YA Ismail Yahya membuat keputusan berdasarkan fakta dan keterangan kes bahawa anak itu dilahirkan dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat dari tarikh akad nikah perkahwinan, dan mahkamah berpuas hati bahawa pemohon sebagai suami sentiasa berkeupayaan tinggal bersama responden sebagai suami isteri. Sepanjang tempoh itu mahkamah juga berpuas hati bahawa suami berkenaan berkeupayaan melakukan persetubuhan dengan isterinya itu. Dalam kes ini, penulis mendapati bahawa sah taraf anak ditentukan oleh mahkamah berdasarkan kepada pengiraan tempoh enam bulan *qamariah* semata-mata tanpa mengambil kira faktor-faktor lain pada anak tersebut.

Kes selanjutnya adalah kes *Irmaya Binti Mohamad Hamim dengan Mohamad Hamim Bin Rastam*¹⁸ merupakan permohonan pengesahan taraf yang dibuat di mana Pemohon telah memohon untuk diberikan pengesahan taraf nasab sebagai anak. Ibu pemohon telah meninggal dunia pada 21 November 2012. Fakta kes menyatakan bahawa Responden dan ibu pemohon telah bernikah pada 19 Mac 1978 dan pernikahan tersebut didaftarkan di Pejabat Kadi Kuala Langat, Selangor. Hasil pernikahan ibu pemohon dengan responden, mereka dikurniakan anak sulung iaitu pemohon pada 09 Oktober 1978 iaitu dilahirkan lebih kurang enam bulan 20 hari sahaja selepas pernikahan ibu bapanya berlangsung. Oleh kerana itu, timbul keraguan pada pemohon mengenai status sah taraf dirinya. YA hakim Hj. Abdul Walid Bin Hj. Abu Hassan bagaimanapun telah meluluskan permohonan pemohon dan mensabitkan pemohon adalah anak sah taraf kepada responden dengan hanya mengambil kira kelahiran pemohon yang melepasi tempoh enam bulan seperti yang ditetapkan oleh peruntukan. Dalam kedua-dua kes di atas, YA hakim hanya mengambil kira waktu kelahiran selepas enam bulan pernikahan tanpa melihat faktor-faktor lain yang wujud pada kelahiran tersebut.

ANALISA PRINSIP KETERANGAN ISLAM BAGI PENENTUAN NASAB KELAHIRAN ANAK TAK SAH TARAF

Dari sudut pandangan Islam, kesah tarafan sesebuah keturunan adalah bergantung kepada hubungan perkahwinan antara suami dan isteri yang berasaskan kepada undang-undang Islam. Kesah tarafan adalah keperluan undang-undang untuk kemasukan seseorang ke dalam kumpulan keluarga Islam. Keesahan seorang anak adalah penting memandangkan ianya akan menentukan sifat dan jenis hubungan antara bapa dan anak itu, dan juga keadaan berbangkit pada masa akan datang. Seorang anak yang sah taraf adalah berhak kepada nafkah dan pewarisan daripada bapa. Hak penjagaan dan pewalihan juga adalah bergantung kepada kesah tarafan seorang anak. Secara umumnya seperti yang diamalkan di negara ini, hubungan antara anak dengan ibu atau bapanya dikenali sebagai hubungan kandung, iaitu ibu bapa kandung dan anak kandung. Istilah bapa kandung walau bagaimanapun, perlu diperhalusi dan di perjelaskan dengan lebih lanjut kerana menurut istilah Kamus Dewan, ibu bapa kandung ialah ibu bapa biologi kepada seorang kanak-kanak iaitu lelaki dan perempuan yang secara fizikalnya telah melahirkan anak itu. Mereka menyumbang kepada sifat-sifat mental dan fizikal yang akan diwarisi oleh si anak.¹⁹

Justeru, tafsiran bapa kandung dan anak kandung ini tidak boleh diterima secara total kerana bercanggah dengan hukum syarak dalam menentukan hubungan nasab bagi seorang anak dengan bapa kandungnya, kerana walaupun mempunyai pertalian darah, wajib pula mempunyai pertalian nikah yang sah antara ibu dan bapa anak tersebut. Pemakaian istilah 'bapa kandung' yang digunakan secara meluas dan difahami umum sebagai bermaksud bapa kepada anak yang di dalam kandungan ibunya perlu diteliti semula. Ini adalah kerana tidak semua bapa kandung adalah bapa yang mempunyai ikatan nasab yang sah menurut syarak dengan anaknya. Islam memberi pengiktirafan nasab terhadap seorang anak yang dilahirkan di mana syarak menggariskan tiga kaedah pensabitan

nasab kepada bapa iaitu melalui *firash* (hubungan suami isteri yang sah), *iqrar* (pengakuan) dan *bayyinah* (keterangan).²⁰ Pensabitan melalui *firash* atau hubungan kelamin dalam perkahwinan adalah cara yang paling utama dan dirujuk dengan meluas termasuklah dalam artikel ini.

Di Malaysia, seksyen 23 Akta kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperkatakan tentang Persetubuhan luar nikah seperti berikut:

1. Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
2. Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana hukuman itu.
3. Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan *prima facie* tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.
4. Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.

Subseksyen (4) di atas menerangkan bahawa sekiranya seorang perempuan melahirkan anak yang sempurna sifat dalam masa kurang dari tempoh kehamilan minima yang diterima syarak maka anak itu akan di anggap sebagai anak tak sah taraf. Pada pendapat penulis, adalah lebih baik sekiranya dibuangkan limitasi 'kurang daripada enam bulan *qamariah*' itu dan diperluaskan skop kelahiran ini dengan memasukkan juga selepas enam bulan *qamariah* tetapi kurang dari tempoh kehamilan yang normal. Seksyen 23(4) ini juga haruslah dibaca bersama-sama dengan Seksyen 110 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 apabila mana-mana pihak membincangkan tentang kelahiran anak yang sempurna sifat dalam tempoh masa yang meragukan antara enam hingga sembilan bulan selepas pernikahan berlangsung.

Pada masa yang sama, berdasarkan kes Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli bin

Abdul Japar,²¹ mendapati bahawa terdapat kepentingan untuk mendapatkan pendapat seorang pakar, dalam kes ini pakar kimia bagi menerangkan keputusan ujian DNA yang dilakukan bagi tujuan mencari siapakah lelaki yang bertanggung jawab menyebabkan kelahiran seorang anak, dan dari penerangan pakar tersebut, mahkamah telah berjaya membuat pengesahan terhadap siapakah yang menjadi bapa kepada anak yang dilahirkan. Walaupun pakar kimia bukan merupakan seorang doktor perubatan, tetapi kes ini jelas menunjukkan bahawa hakim menggunakan *khibrah* pakar kimia untuk memutuskan berkenaan pengesahan nasab anak luar nikah tersebut. Kes ini jelas menunjukkan bahawa mahkamah syariah mengambil kira pendapat pakar dan menggunakan pakai *Ra'yu al-Khabir* bagi memberikan pandangan beliau, dan penggunaan *Ra'yu al-Khabir* di mahkamah syariah ini telah dilaksanakan namun tidak secara meluas. Malangnya peranan *Ra'yu al-Khabir* sakit puan dalam menentukan kesahihan taraf anak yang dilahirkan di antara enam hingga sembilan bulan tidak digunakan secara menyeluruh hingga menyebabkan banyak kes-kes yang telah diberi penghakiman secara khilaf. Sehingga kini tidak terdapat kes-kes yang menyentuh dilemma pengesahan taraf nasab atau menentukan kesahihan nasab yang melibatkan kelahiran pada tempoh ini.

Berdasarkan kes-kes yang telah dibincangkan, jelas merupakan kes-kes yang melibatkan pengesahan taraf anak tetapi dalam situasi yang berbeza dan menimbulkan pelbagai permasalahan akibat dari ketiadaan pendapat pakar yang dirujuk. Berdasarkan analisis kes *Wan Khairi Wan Azmi dan Farah Nurliliana Jauhari*,²² apa yang menjadi persoalan di dalam kes ini ialah fakta mengenai kelahiran anak tersebut selepas enam bulan empat hari dari tarikh pernikahan kedua pemohon dan responden dan seberat 3.4 kilogram, menandakan secara saintifiknya bahawa anak itu adalah anak normal yang berada dalam kandungan ibunya selama tempoh kehamilan yang normal juga iaitu selama sembilan bulan. Ini secara logiknya mengambil kira keadaan seseorang bayi yang dilahirkan dalam berkeadaan sihat dan mempunyai berat yang sedemikian tidak akan dikategorikan sebagai bayi pramatang yang berada dalam kandungan ibunya selama enam bulan empat hari sahaja. Justeru, hal ini jelas menunjukkan bahawa

pembenihan anak ini telah berlaku sebelum kedua ibu bapanya diakad nikahkan, dan perkara ini menjadikan anak tersebut adalah anak hasil dari hubungan diluar nikah atau anak zina. Oleh kerana tidak mengambil kira analogi itu, mahkamah telah mensabitkan status nasab bagi anak tersebut tanpa mengambil kira bilakah pembenihan bayi itu sebenarnya berlaku.

Dalam kes ini, sekiranya fakta sains dari pakar sakit puan diambil kira, maka hakikat tempoh kehamilan sebenar yang dilalui akan menzahirkan kedudukan anak tersebut sebagai anak yang tidak sah taraf, dan akan dapat membantu keputusan hakim untuk memberikan hak yang sebenar kepada anak itu dan menerangkan tanggung jawab yang perlu dilaksanakan oleh kedua ibu bapa terhadap masa depan anak ini menurut landasan yang dikehendaki oleh syarak. Sekiranya pendapat seorang *Khibrāh* telah dibawa, sudah tentu keputusan kes ini akan berbeza.

Senario yang sama juga turut berlaku dalam kes *Irmaya Binti Mohamad Hamim dengan Mohamad Hamim Bin Rastam*.²³ yang sepatutnya YA hakim lebih berhati-hati dalam menetapkan kesahihan taraf tersebut memandangkan yang empunya diri sudah meraguinya dan tiada pula kenyataan penafian yang dilakukan oleh responden yang mengatakan bahawa anak tersebut memang lahir sebagai anak yang pramatang atau sebaliknya. Dalam keadaan ini, hakim sepatutnya mendapatkan pandangan pakar sakit puan berkaitan keadaan seorang anak yang lahir selepas enam bulan 20 hari, sama ada merupakan anak yang normal atau pramatang. Pandangan pakar ini adalah bagi mendapatkan maklumat saintifik seterusnya melontarkan persoalan tersebut kepada responden bagi mendapatkan penjelasan yang sebenar bagi tujuan menentukan kesahihan nasab pemohon.

KESIMPULAN

Maqāsid keempat yang wajib dipelihara oleh seorang muslim adalah menjaga nasab keturunan. Nasab adalah satu pengiktirafan pertalian keturunan kepada bapa yang diberikan kepada setiap anak-anak orang Islam yang dilahirkan. Nasab keturunan hanya akan dapat diperolehi

oleh seorang anak yang dilahirkan dari ibu bapa yang menjauhi perkara-perkara mungkar seperti hubungan sebelum pernikahan yang sah. Kelahiran anak tak sah taraf adalah secara jelasnya merupakan anak hasil dari perbuatan zina. Kesalahan atau kekhilafan di pihak pasangan lelaki dan perempuan ini bermula dari berlakunya hubungan terlarang di luar ikatan pernikahan yang sah menurut syara. Anak zina tidak boleh dibinkan kepada bapa zina, tiada hak waris di mana dia tidak boleh mewarisi serta diwarisi, dan bapa tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak zina itu. Walaupun anak itu lahir selepas enam bulan *qamariah* pernikahan berlangsung, perlakuan zina lampau tetap tidak menyebabkan sabitnya nasab. Penulis berpendapat bahawa isu penentuan sah taraf anak ini hendaklah dihakimi dengan sebaiknya oleh mahkamah. Untuk itu, penulis mencadangkan agar seksyen 110 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan ini diperincikan dan diperkemas agar ia dapat memberi gambaran yang jelas kepada semua pengamal undang-undang syariah serta masyarakat mengenai tempoh penentuan sah taraf anak berdasarkan kepada prinsip syariah. Pada masa yang sama, dicadangkan agar pengamal undang-undang syarie serta badan berwajib mengambil kata sepakat dalam meletakkan kaedah pembuktian yang jelas dalam isu penentuan sah taraf anak. Malah adalah perlu pembuktian berkaitan isu sah taraf anak ini ditentukan berdasarkan kepada keterangan pakar.

Tidak dapat dinafikan segala usaha pengamal undang-undang serta pihak berwajib yang tidak berhenti untuk memastikan proses keadilan berjalan dengan lancar serta mencapai kehendak yang telah disyariatkan perlu diberikan pujian. Malah usaha para ahli akademik, pengamal undang-undang serta pihak berkuasa ini bukanlah usaha yang sia-sia. Usaha untuk memperkemas dan memperincikan undang-undang dalam konteks isu kesah tarafan anak ini perlu diperkembangkan kajiannya pada masa hadapan. Ini adalah kerana hanya menerusi penulisan yang tersusun dan diperhalusi akan dapat memberi kesan positif khususnya kepada pentadbiran keadilan syariah di negara ini dan kepada masyarakat Islam secara umumnya.

NOTA

- ¹ Bulan *Qamariah* adalah kiraan bulan-bulan dalam Islam dan ia dimulai dengan *Muharram, Safar, Rabi'ul Awwal, Rabi'ul Akhir, Jamadil Awwal, Jamadil Akhir, Rejab, Sya'ban, Ramadhan, Syawal, Zulka'edah* dan *Zulhijjah*. Kiraan bulan mengikut bulan-bulan Islam adalah sedikit berbeza bilangannya dari kiraan mengikut bulan masehi. Sebagai contoh bulan Januari dan Mac mempunyai 31 hari tetapi bulan Muharram mempunyai 29 hari, Febuari mempunyai 28 hari (atau 29 hari pada tahun lompat) manakala Safar mempunyai 30 hari. April pula mempunyai 30 hari manakala Rabi'ul Akhir mempunyai 29 hari. Kiraan hari dalam bulan *qamariah* juga tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa bergantung kepada kiraan *Falaq Syarie* ataupun *Hisab* mengikut mana yang terpakai.
- ² Al-Quran Al-Furqan 25:54
- ³ Umar Abdullah, *Ahkām Asy-Syarīah Al-Islāmiyyah fi Al-Ahwāl Al-Syakhsīyyah*. Cet. 5, Dārul Ma'ārif, Iskandariah. 1965 & 1968. Hlm 525.
- ⁴ Sheikh Muhammad Syammā, *Al-Muḥīd min Al-Abhāth fi Ahkām Al-Zawāj wa At-Talāq wa Al-Mīrāth*. Darul Qalam, Damsiyq, Darul Al-Syāmiyah, Beirut, Darul Al-Basyīr, Jeddah. 1995. Hlm 99.
- ⁵ Al Quran Al-Ahzāb 33:5.
- ⁶ Al-Quran An-Nisā 4:1.
- ⁷ Al-Quran Ar-Rūm 30:21.
- ⁸ Al-Quran An-Nahl 16:72.
- ⁹ Kiraan bulan *Qamariah* adalah menurut kalendar bulan-bulan Islam. Manakala dua lahzoh adalah dua saat yang diterima sebagai saat *wat'i* dan saat *wiladah*.
- ¹⁰ *Li'an* adalah penafian nasab yang dilakukan oleh bapa terhadap anak yang dilahirkan oleh isterinya, tanpa disertai dengan penyaksian empat orang saksi. Kedua-dua suami dan isteri perlu melakukan sumpah *li'an* bagi mengelakkan diri mereka dari dikenakan hukuman hudud. Suami perlu bersumpah sebanyak empat kali bahawa isterinya telah berzina dan kali kelimanya dia *berli'an* yang laknat Allah akan menimpanya jika dia berdusta atas tuduhannya. Isteri pula perlu bersumpah sebanyak empat kali bahawa tuduhan zina oleh suaminya adalah dusta dan kali kelimanya dia *berli'an* yang laknat Allah akan menimpanya jika tuduhan suaminya itu benar.
- ¹¹ (2001) 14 JH (2) 225.
- ¹² [2007/1428H] JH XXIII/II
- ¹³ Seksyen 80(1). Persetubuhan haram. (1) Seseorang lelaki yang melakukan persetubuhan haram dengan seorang perempuan adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau dirotan tidak melebihi enam rotan atau mana-mana gabungan dari hukuman tersebut. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995.
- ¹⁴ Suhaizad Saifuddin & Ruzian Markom & Mohd Munzil Muhamad. 2019. Kaedah Pembuktian Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil Di Malaysia: Suatu Penulisan Perbandingan (*Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*). 31. 1-34.
- ¹⁵ Mazupi Abdul Rahman, Ahmad Azam Mohd Shariff, The Scope and Application of Similar Fact Evidence under The Evidence Act 1950: Introduction and Its Overview from the Perspective of Islamic Law

Evidence, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 7 (2003) 71-88, hlm 84-85.

- ¹⁶ [2011] 1 CLJ (Sya) 344.
- ¹⁷ Rujukan dalam petikan: Al-Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar (Mufti Hadramaut) (t.th), Bughyat al-Mustarshidin. (t.pt). hlm 242.
- ¹⁸ Kes Mal No:14600-006-0757-2012 Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan.
- ¹⁹ Kamus Dewan atas talian: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bapa+kandung>. Akses pada 25 Febuari 2010 dan 2 Mei 2014.
- ²⁰ Sheikh Muhammad Syammā, *Al-Muḥīd min Al-Abhāth fi Ahkām Al-Zawāj wa At-Talāq wa Al-Mīrāth*. Hlm 100. Lihat juga Umar Abdullah, *Ahkām Asy-Syarīah Al-Islāmiyyah fi Al-Ahwāl Al-Syakhsīyyah*. Hlm 525.
- ²¹ [2007/1428H] JH XXIII/II
- ²² [2011] 1 CLJ (Sya) 344.
- ²³ Kes Mal No:14600-006-0757-2012 Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Abdul Karim Zaydan. 1993. *Al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh*. Dār At-Tauzī' wa Al-Nasyr Al-Islāmi, Kaherah.
- Abu Hiban Muhammad bin Yusuf. 1983. *Tafsir Al-Bahru Al-Muhid*, Juzuk 7. Cet 2, Darul Fikri, Beirut.
- Ahmad Fathi Bahansi. 1989. *Nazariyyah Al-Ithbāt fi Al-Fiqh Al-Jināi Al-Islāmi*. Dār Al-Syuruk, Kaherah.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Al-Jurjāni, Ali ibn Muhammad ibn Ali As-Sayyid Al-Zayn Abi Al-Hasan Al-Jurjāni. 1938. *Al-Ta'rifāt*. Matba'ah Mustafa al-Bābiy al-Halabiy wa Awladuhu. Kaherah.
- Al-Kasāni, *Badā'ī al-Sanā'ī*. Jil. 4. Matba'ah al-Imām, Kaherah. T.th.
- Al-Syawkāni. 1987. *Nayl Al-Awtār - Himpunan Hadith-hadith Hukum*. Jilid 6. Pustaka al-Azhar, Kuala Lumpur.
- Faizal Riduan. 2011. *Menghisab Nasab*. Milenia Muslim. Kuala Lumpur: MMP Communication Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Husein Abdul Hamid. 2009. *Mukhtasar Kitab Al-Umm Fi Al-Fiqh Imam Al-Syafi'i*. Terj. M.Mujib, A. Huda & Yasin. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.
- Ibn 'Ābidīn. 1966. *Mughni al-Muhtāj*. Jilid 3, Maktabah Al-Jumhuriyyah Al-Ārabiyyah.
- Ibnu Manzūr. 1882. *Lisān Al-Ārab*. Jilid 5. 1374H/1955M, Dār Al-Sōdir, Beirut. Cet. pertama pada 1300H/1882M, Dār Al-Ma'ārif, Kaherah.
- Mohamad Hashim Kamali. 2000. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publisher Sdn Bhd, Selangor.
- Mohd Shukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. 2003. *Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah*

- Syariah (Hudud, Qisas dan Ta'zir)*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Muhammad Hussain Az-Zahabi. 1968. *As-Syarāh Al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqārinah bayna Mazāhib Ahli Al Sunnah wa Mazāhib Ja'fariyyah*. Cet ke-2. Mesir: Dar Al-Ta'lif, Māliyah, Mesir.
- Nandang Burhanudin. 2010. *Tafsir Burhan Edisi Al-Ahkam*. C.V Media Fitrah Rabbani, Kalimantan Timur.
- Rohi Ba'albāki. 1991. *Al-Mawrid wa Al-Waseet; Qāmus 'Arabī Īnglīzi*. Dārul 'Ilm lil Malāyin, Beirut.
- Sahih Abu Daud no. 3716. °Aunul Ma'bud X11: 99 no.4396.
- Sham Ad-Din Muhammad bin Abi Abbas Ahmad al-Ramly. 1967. *Nihāyah al-Muhtāj*, Jil. 7. Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa Al-Bābiy Al-Halabiy wa Auladuh, Mesir.
- Sheikh Muhammad Syammā°. 1995. *Al-Mufīd min Al-Abhāth fi Ahkām Al-Zawāj wa At-Talāq wa Al-Mīrāth*. Darul Qalam, Damsyiq, Darul Al-Syāmiyah Beirut, Darul Al-Basyīr, Jeddah.
- Umar Abdullah. *Ahkām Asy-Syarāh Al-Islāmiyyah fi Al-Ahwāl Al-Syakhsiyyah*. Cet. 5, Dārul Ma'ārif, Iskandariah. T.Th.
- Fatimah Yusro Hashim
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: wardatun@ukm.edu.my
- Anisah Che Ngah
Faculty of Business and Law
Tailor's University Lakeside Campus
No 1, Jalan Tailors
47500 Subang Jaya Selangor
Emel: anisah.chengah@tailors.edu.my
- Mohammad Azhan Yahya
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: azhan@ukm.edu.my
- Ahmad Azam Mohd Shariff
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: aazam@ukm.edu.my